



NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 56  
No. 6

**15hb Mac 2012**

*TAMBAHAN  
No. 1*

---

---

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

**No. 241.**

(Seksyen 4)

PEMBERITAHU BAHAWA TANAH MUNGKIN DIAMBIL

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang butir-butirnya tersebut dalam Jadual di bawah ini, termasuk tanah-tanah, jika ada, yang ditentukan dengan nombor lot atau nombor-nombor lot tanah yang berjiran dengannya, mungkin dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tapak Sekolah Kebangsaan Pantai Tanah Merah, Mukim Tangga Batu, Daerah Melaka Tengah, Melaka.

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah bagi maksud itu boleh masuk ke mana-mana tanah di tempat itu untuk memeriksanya dan menjalankan kerja-kerja ukur. Jika berlaku apa-apa kerosakan dalam masa kerja-kerja ukur itu dijalankan maka pampasan akan dibayar kerananya. Apa-apa jua pertikaian tentang jumlah pampasan itu akan dirujuk kepada Pentadbir Tanah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) Negeri Melaka, Unit Pengambilan Tanah, Aras 11, Menara Persekutuan, Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.

## JADUAL

## Daerah—Melaka Tengah.

## (a) Tujuan Pengambilan:

Tapak Sekolah Kebangsaan Pantai Tanah Merah, Mukim Tangga Batu, Daerah Melaka Tengah, Melaka.

## (b) Butiran Tanah:

Bil.	No. Lot/P.T.	Bandar/Pekan/Mukim	Daerah
1.	1009	Tangga Batu	Melaka Tengah
2.	1028	Tangga Batu	Melaka Tengah
3.	1464	Tangga Batu	Melaka Tengah
4.	2063 (Lot Lama 1466)	Tangga Batu	Melaka Tengah

Bertarikh 1 Mac 2012  
[JKPTG(M)PT/MT/2012/001]

ROSLAN BIN IBRAHIM  
*Pengarah Negeri  
Melaka*

**No. 242.**

(Seksyen 4)

## PEMBERITAHU BAHAWA TANAH MUNGKIN DIAMBIL

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut:

Projek Menaiktaraf Sistem Saliran di Kampung Umbai Daerah Jasin.

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki ke mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) Negeri Melaka, Unit Pengambilan Tanah, Aras 11, Menara Persekutuan, Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.

JADUAL

Daerah—Jasin.

(a) Tujuan Pengambilan:

Projek Menaiktaraf Sistem Saliran di Kampung Umbai Daerah Jasin.

(b) Butiran Tanah:

Bil.	No. Lot	Mukim	Daerah
1.	596	Umbai	Jasin
2.	1010	Umbai	Jasin
3.	1022	Umbai	Jasin
4.	1017	Umbai	Jasin
5.	1041	Umbai	Jasin

Bertarikh 1 Mac 2012  
[JKPTG(M)PT/J/2012/003]

ROSLAN BIN IBRAHIM  
*Pengarah Negeri  
Melaka*

**No. 243.**

(Seksyen 4)

PEMBERITAHU BAHAWA TANAH MUNGKIN DIAMBIL

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut:

Projek Landasan Keretapi Berkembar di antara Seremban–Gemas Lot 140, Mukim Batang Melaka, Daerah Jasin.

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki ke mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) Negeri Melaka, Unit Pengambilan Tanah, Aras 11, Menara Persekutuan, Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.

## JADUAL

Daerah—Jasin.

(a) Tujuan Pengambilan:

Projek Landasan Keretapi Berkembar di antara Seremban–Gemas Lot 140, Mukim Batang Melaka, Daerah Jasin.

(b) Butiran Tanah:

Bil.	No. Lot	Bandar/Pekan/Mukim	Daerah
1.	140	Batang Melaka	Jasin

Bertarikh 1 Mac 2012  
[JKPTG(M)PT/J/2012/002]

ROSLAN BIN IBRAHIM  
*Pengarah Negeri  
Melaka*

**No. 244.**

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

PEMBETULAN

Jadual kepada pemberitahuan *Warta* Kerajaan Negeri No. 136 yang disiarkan pada 26 Februari 2009 adalah dipinda dengan menggantikan—

- (i) angka “0.3486 hektar” yang terdapat dalam ruang “Anggaran Keluasan” dan bersempitan dengan “No. Lot Ukur 4330 GRN 35375” dengan angka “0.5291 hektar”;
- (ii) angka “0.6175 hektar” yang terdapat dalam ruang “Anggaran Keluasan” dan bersempitan dengan “No. Lot Ukur 4329 GRN 35816” dengan angka “0.8729 hektar”;
- (iii) angka “0.0637 hektar” yang terdapat dalam ruang “Anggaran Keluasan” dan bersempitan dengan “No. Lot Ukur 1332 P.M. 443” dengan angka “0.1103 hektar”;
- (iv) angka “0.2626 hektar” yang terdapat dalam ruang “Anggaran Keluasan” dan bersempitan dengan “No. Lot Ukur 2669 P.M. 213” dengan angka “0.3083 hektar”; dan
- (v) angka “0.4494 hektar” yang terdapat dalam ruang “Anggaran Keluasan 0.7808 hektar” dan bersempitan dengan “No. Lot Ukur 2981 G.M. 384” dengan angka “0.7808 hektar”.

2. Pindaan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 26 Februari 2009.

[PTG(M)S/342/7/2/10/164]

**No. 245.**

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

PEMBETULAN

Jadual kepada pemberitahuan *Warta Kerajaan Negeri* No. 425 yang disiarkan pada 3 Jun 2010 adalah dipinda dengan menggantikan—

angka “476 meter persegi” yang terdapat dalam ruang “Anggaran Keluasan” dan bersetentangan dengan “No. Lot Ukur 253” dengan angka “1624 meter persegi”.

2. Pindaan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 3 Jun 2010.

[PTG(M)S/342/7/2/31/222]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA